

PERBANDINGAN PEMIKIRAN CHRIS BARKER DAN EMMA A. JANE DALAM KAJIAN BUDAYA DAN WACANA MEDIA: ANALISIS TERHADAP KUASA, IDEOLOGI DAN IDENTITI
A COMPARATIVE STUDY OF CHRIS BARKER'S AND EMMA A. JANE'S THOUGHTS IN CULTURAL STUDIES AND MEDIA DISCOURSE: AN ANALYSIS OF POWER, IDEOLOGY, AND IDENTITY

Mohamad Azizie Nordin¹, Saiful Akram Che Cob¹

Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Faculty Art and Design, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Kajian budaya menawarkan rangka kerja kritis untuk memahami bagaimana kuasa, ideologi, dan identiti berinteraksi dalam wacana media. Media bukan sekadar saluran komunikasi, tetapi juga ruang di mana makna dihasilkan, dikawal, dan ditentang. Artikel ini menganalisis bagaimana media membentuk serta menyebarkan ideologi dominan yang mempengaruhi pembentukan identiti individu dan kolektif. Dengan menggunakan pendekatan teori kajian budaya, perbincangan ini meneroka bagaimana representasi dalam media mencerminkan serta memperkukuh hubungan kuasa dalam masyarakat. Kajian ini turut menyoroti bagaimana kelompok sosial tertentu mengadaptasi dan meresistensi ideologi yang dipaksakan melalui wacana media. Implikasi kajian ini memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan media dalam membentuk pemikiran sosial serta kepentingan wacana kritis dalam meneliti naratif yang mendominasi ruang awam.

Keywords: *Kajian budaya, kuasa, ideologi, identiti, wacana media, representasi*

Cultural studies offer a critical framework for understanding how power, ideology, and identity interact within media discourse. Media are not merely channels of communication, but also spaces where meaning is produced, regulated, and contested. This article analyses how media shape and disseminate dominant ideologies that influence the formation of both individual and collective identities. Employing a cultural studies theoretical approach, the discussion explores how representations in media reflect and reinforce power relations within society. The study also highlights how certain social groups

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

****Corresponding Author:***

Mohamad Azizie Nordin, Fakulti Pengurusan dan Informatik Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

[Email:azizie@unipsas.edu.my](mailto:azizie@unipsas.edu.my)

adapt to and resist the ideologies imposed through media discourse. The implications of this study provide deeper insights into the role of media in shaping social consciousness and underscore the importance of critical discourse in examining the narratives that dominate the public sphere.

Keywords: *cultural studies, power, ideology, identity, media discourse, representation*


PENDAHULUAN

“Kajian budaya tidak bicara dengan satu suara, tidak boleh dibicarakan dengan suatu suara, dan kita tidak punya satu suara untuk mempresentasikannya”

Apabila membicarakan tentang budaya, tidak dapat dinafikan bahawa Stuart Hall (1932–2014) merupakan tokoh intelektual yang berperanan sebagai ‘pahlawan akal’, yang gagasannya cukup tajam dan menggoncang wacana kebudayaan. Beliau yang dilahirkan di India Barat pada awalnya dikaitkan dengan “Kiri Baru.” Kiri Baru ini membawa perspektif baharu dalam memahami interaksi antara media dan budaya, serta bagaimana ideologi membentuk identiti masyarakat (Hall et al., 2016). Dalam konteks era digital, perbincangan mengenai identiti budaya menjadi semakin signifikan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang berdepan dengan pengaruh globalisasi dan modenisasi. Pemahaman terhadap identiti budaya berperanan penting dalam memperkukuh kesedaran sosial dan menghargai kepelbagaian masyarakat (Rusfandi, 2024).

Kajian budaya ialah suatu susunan diskursif yang merangkumi gugusan idea, amalan, norma, dan hukum yang membentuk tatanan cara, bentuk, serta tindakan berkaitan dengan topik, aktiviti sosial, dan institusi tertentu dalam ranah kebudayaan masyarakat (Hall, 1977a:6). Budaya ini pada dasarnya berkisar pada gagasan-gagasan, idea-idea, konsep-konsep dan perhatian tertentu. Bagi Hall yang dimaksudkan budaya itu adalah, ranah aktual yang begitu berakar kuat, yang terdiri dari praktik-praktik, bahasa-bahasa dan representasi. Budaya ini juga sebuah bentuk yang bertentangan dengan pemahaman umum, sekaligus dengan membentuk kehidupan banyak orang. (Hall, 1996c:439).

Kebudayaan juga berkait dengan pertanyaan yang cukup sarat dengan makna-makna dalam sebuah tatanan sosial yang dimiliki bersama, yakni berbagai cara yang kita gunakan untuk memahami dunia. Dengan itu, makna yang disajikan bukan sahaja hadir dari ‘luar sana’ tetapi makna ini juga terhasil berdasarkan sebuah tatanan simbolik dan tanda-tanda berupa bahasa, seperti mana yang dikatakan oleh Derrida “kita berfikir hanya dalam tanda-tanda dan tidak ada makna asli yang berada di luar representasi”. Budaya juga mempunyai prinsip yang dikenali sebagai non-reduksionisme yang tidak melihat dari satu sudut sahaja. Jika dilihat dalam perspektif non-reduksionisme, budaya adalah sebuah praktik-praktik, makna-makna, dan aturan-aturan yang dijelaskan dalam suatu maksud sahaja. Dalam bahasa awam, sebuah artifak, fenomena dan teks yang tidak boleh dijelaskan dari faktor kausal semata seperti ekonomi. Kajian budaya ini menjelaskan apa yang dimaksud oleh suatu teks yang berkaitan dengan tempatnya dalam suatu produksi.




Rajah 1: Struktur dan Ideologi Media dalam Membentuk Dinamika Sosial dan Modernisasi

Jika diamati dengan saksama, budaya juga mempunyai perspektif tersendiri yang dikenali sebagai “kulturalisme” dan “sturukturlisme”. Kulturalisme bermaksud sebagai kemampuan manusia untuk menciptakan amalan praktik dan membentuk amalan yang menghadirkan ‘nilai’ sebuah kehidupan. Pijakan utama dalam kulturalisme ini berkiblatkan pengalaman hidup seorang dan proses yang dijalani dalam kehidupan seharian bukan sekadar seni yang “adiluhung” (Dewi, 2022). Kulturalisme juga menekankan pentingnya komunikasi dalam membangun hubungan sosial yang sihat dan harmonis, yang sejalan dengan temuan bahwa komunikasi yang efektif dapat meningkatkan kepercayaan dan kebersamaan antara individu (Sangaswari et al., 2024).

Salah seorang pemikir yang cukup masyhur , Raymon Wiiliams (1921-1988) berpendapat bahawa budaya ini berawal dari satu kata benda yang mewakili proses yang berkaitan dengan pemeliharaan tanaman, iaitu ‘budidaya tanaman’. Selepas itu, idea ini mencakup fikiran yang cukup luas yang dikatakan sebagai masyarakat atau jiwa. Pada abad ke-19, budaya juga dikenali sebagai ‘cara hidup yang khas’ dan menyeluruh. Daripadapandangan Matthew Arnold (1960:6), penulis Inggeris abad ke-19, berpendapat bahawa budaya itu “yang terbaik” yang sudah difikirkan dan dikatakan di dunia. Budaya sebagai salah satu bentuk peradaban manusia sering berhadapan dengan ancaman anarki dan massa primitif yang tidak beradab. Willioms (1965:63) beranggapan teori budaya ialah kajian tentang hubungan antara elemen dalam sebuah cara hidup yang menyeluruh. Dalam konteks moden, budaya menjadi medan pertembungan antara nilai tradisi dengan arus globalisasi yang didorong oleh teknologi dan media. Di sinilah muncul persoalan penting: bagaimanakah identiti budaya dapat dipertahankan dan direpresentasikan semula dalam era digital yang serba pantas ini?

Walaupun terdapat banyak kajian terdahulu yang mengupaskan ‘inti-inti’ dan ‘bumbu-bumbu’ hubungan antara budaya, media, dan identiti kebanyakannya menumpukan kepada konteks global atau wacana teori yang bersifat umum. Namun, masih kurang penelitian yang memberi tumpuan kepada konteks tempatan, khususnya bagaimana generasi muda di Malaysia sebagai pengguna dan penghasil makna budaya mentafsir semula identiti mereka dalam ruang digital dan sosial yang semakin terbuka. Kekosongan inilah yang menjadi asas jurang kajian (*research gap*) bagi penyelidikan ini. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk meneliti bagaimana identity ini budaya dibentuk, ditafsir dan diserap semula melalui perspektif kajian budaya berasaskan gagasan Stuart Hall. Penelitian ini akan membantu memperjelas bagaimana budaya difahami bukan hanya sebagai warisan, tetapi sebagai sistem makna hidup yang terus berkembang seiring perubahan sosial dan teknologi.



Rajah 2: Hubungan antara Budaya, Tubuh, Identiti, dan Televisyen dalam Masyarakat

OBJEKTIF

1. Untuk menganalisis peranan media di Malaysia dalam membentuk budaya dan ideologi masyarakat berdasarkan kerangka teori Chris Barker dan Emma A. Jane.
2. Untuk menilai perbezaan pendekatan antara Chris Barker dan Emma A. Jane dalam memahami hubungan antara media, kuasa, dan pembentukan identiti budaya.
3. Untuk menafsir bagaimana simbol, representasi tubuh, dan praktik budaya dalam media Malaysia mencerminkan ideologi serta struktur sosial menurut perspektif kedua-dua tokoh.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif berbentuk analisis wacana budaya dan media bagi meneliti bagaimana kuasa, ideologi, dan identiti dibentuk serta diwakili melalui media. Data kajian diperoleh daripada sumber teks seperti rancangan televisyen, drama bersiri, berita, dan kandungan media sosial, disokong dengan dokumen akademik serta literatur yang berkaitan dengan teori budaya. Analisis dilakukan melalui gabungan analisis wacana kritis, analisis semiotik Saussure dan Peirce, serta analisis naratif bagi memahami simbol, tanda, dan cerita yang membentuk sebuah makna dalam ranah media. Skop kajian difokuskan pada representasi budaya dalam media kontemporari, khususnya pertembungan antara budaya lokal dan global yang mempengaruhi pembentukan identiti belia. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan, kajian menggunakan triangulasi data, penekanan terhadap konsistensi interpretasi dengan teori budaya, serta reflektiviti penyelidik terhadap kedudukan sosial dan ideologi sendiri ketika menganalisis data.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Budaya Makna, Pengetahuan Cara Linguistik dalam Kajian Budaya

Bahasa merupakan satu tatanan simbolik yang mentransfer dalam bentuk nilai-nilai dan makna-makna bentuk pengetahuan. Dengan itu, memahami budaya tidak dapat dipisahkan daripada simbolik pemaknaan bahasa. Hal ini kerana ia telah menjadi sebuah ranah semiotika yang mula dikembangkan oleh tokoh ternama, Ferdinand de Saussure. Perkembangan semiotika ini tidak berhenti pada Saussure sahaja, malah diteruskan oleh Charles Sanders Peirce yang memperkenalkan teori berasaskan ikon, simbol, dan indeks. Melalui pemikirannya, Peirce menekankan bahawa semiotika berlandaskan interaksi antara tanda, objek, dan interpretasi. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, dapatlah dikatakan bahawa konteks budaya ini mempunyai fungsi yang amat penting dalam ranah kebudayaan. Alhasil, budaya ini juga akan menghasilkan simbol bahasa, yang mencakup seperti, gestur, seni, ritual, hukum-hakam, yang menyajikan lapisan makna yang cukup mendalam untuk dicermati yang akan sarat makna dalam simbolis. Sebagai contoh, kalau ditelusuri menggunakan ‘mata jasmani’ warna putih ini pada dasarnya adalah sebuah simbol kesucian, tetapi dalam budaya lain dilihat sebagai kesedihan dan kedukaan. Hal ini mencerminkan bahawa simbol ini begitu relatif dalam kebudayaan yang dipengaruhi oleh sebuah sejarah, nilai-nilai dan paradigma lokal. Di kawasan Timur, warna juga sering dilihat

sebuah elemen visual semata, tetapi jika dilihat dari sudut falsafah, pada dasarnya warna ini cukup sarat dengan makna spiritual dan kepercayaan dalam suatu kaum Lavrenova, O. (2020)

Tubuh dalam Wacana Sosial Melalui Konsep Bryan Turner

Bryan Turner (1996:1) mengklaim bahawa kita hidup dalam sebuah "masyarakat somatik" (somatic society) iaitu masyarakat di mana persoalan-persoalan besar politik dan personal dipersoalkan di dalam tubuh dan diekspresikan melalui tubuh. Pada pandangan beliau, tubuh bukan sahaja dipandang sebagai suatu organ biologis, tetapi menjadi suatu medan pertarungan yang cukup kuat, kerana menjadi suatu simbol dalam individu dan control kekuasaan. Dalam politik juga, tubuh menjadi alat ekspresi politik, seperti, tunjuk perasaan, aksi telanjang, aksi makan yang mana ia juga menyampaikan makna yang tersirat, seperti yang dikatakan Turner, "tubuh bukan sahaja anugerah biologis tetapi digarap oleh kebudayaan". Selain itu, Geertz (1992) juga berpendapat bahawa "kita harus menempatkan kembali kebudayaan dengan menggunakan metafora-metafora perjalanan alih-alih metafora lokasi". Jika tubuh dikaitkan dalam konteks budaya Timur, dapat ditelusuri bahawa ia sering dimaknakan dalam masyarakat yang masih mengekalkan nilai tradisional dan spiritual. Hal ini juga kerana tubuh ini mempunyai lapisan makna yang lebih mendalam dalam tradisi Asia. Tubuh bukan sekadar biologis, malahan sebagai manifestasi jiwa, yang berdialektika dengan alam, gerak-gerik dalam tubuh khususnya ritual keagamaan dan menjadi nilai-nilai budaya yang diwarisi dari turun-temurun oleh nenek moyang mereka. Hal ini juga selaras dengan pandangan Turner, bahawa tubuh ini bukan hanya milik individu, tetapi sebuah produk ideologi, sejarah, agama dan struktur kekuasaan.

Perubahan Sosial dan Evolusi Budaya dalam Arus Moden ke Postmoden

Postmodern atau modern adalah istilah kepada yang mengacu kepada historis dan sosiologi. Modernisme dan postmodernisme adalah sebuah kultural dan epistemologi. Istilah ini bukan sahaja merujuk kepada perubahan cara berfikir atau dalam gaya seni sahaja, tetapi kita melihat perkembangan masyarakat dalam era teknologi yang semakin pesat dari perspektif sosiologi, antropologi, dan sejarah. Hal ini juga merangkumi semua aspek ideologi, kuasa, dan identiti yang mana diperjuangkan dalam ranah kebudayaan. Dalam kajian budaya, modernisme dapat dikaitkan dengan pemikiran yang rasional dan jernih, kemajuan sesebuah negara, serta pencapaian objektif ilmu pengetahuan. Misalnya, dalam pendidikan boleh dikaitkan dengan ilmu bahawa dengan diberi akses kepada semua orang boleh maju dengan sama rata. Begitu juga dalam media, berita ini dianggap sebuah fakta yang sahih, objektif dan tidak berat sebelah yang menyakinkan sesebuah masyarakat (Lazaroiu, 2018). Namun, dalam realitinya, media sering kali dipengaruhi oleh kepentingan politik dan ekonomi yang dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap kebenaran informasi yang disampaikan (Nopiah & Samarrudin, 2024).

Pembentukan Identiti dalam Wacana Budaya dan Media Kontemporari

Identiti bersifat kultural dan tidak mempunyai representasinya dalam diskursus budaya. Identiti juga merupakan langkah strategi atau cara untuk mencipta kestabilan sementara dalam bahasa dan praktik harian. Dalam kajian budaya, identiti bukanlah konsep yang bersifat semula jadi atau tetap, sebaliknya

ia merupakan hasil pembinaan kultural yang tidak wujud secara fizikal. Menurut Chris Barker dan Emma A. Jane (2016), identiti juga boleh dilihat sebagai strategi yang digunakan oleh individu atau kumpulan untuk mencipta kestabilan sementara dalam dunia yang sentiasa berubah. Contohnya, seorang wanita yang muda Melayu- Islam sangat aktif di media sosial seperti Instagram dan Tiktok. Wanita tersebut memakai tudung dan berpakaian moden Melayu yang fesyen terkini, sekaligus menggunakan medium ini menyuarakan pendapatnya dalam panggung sosial. Dalam konteks ini, wanita Islam muda moden ini bukan identiti yang semula jadi, tetapi dibentuk melalui media, budaya popular dan norma sosial yang berubah-ubah.

Televisyen sebagai Medan Pertarungan Budaya Global dan Lokal

Televisyen sudah menjadi praktik dalam tatanan budaya. Hal ini akan memberi kesan terhadap corak komunikasi antara masyarakat Barat dengan seluruh dunia. Televisi yang difahami ini bukan sekadar promosi campuran daripada pelbagai bahan, tetapi menjadi imperialisme budaya. Ertinya, di sini televisyen bukan sahaja sebagai makna-makna tekstual tetapi dalam kehidupan sehari-hari. Dalam konteks budaya Timur, khususnya di negara seperti Malaysia, Indonesia, atau Korea Selatan, rancangan televisyen dari Hollywood atau drama Korea (K-drama) turut membentuk gaya hidup, nilai-nilai, norma-norma, hukum-hakam serta identiti muda-mudi tempatan. Dari aspek pakaian, gaya bercakap, hingga norma pergaulan sering kali dipengaruhi oleh imej-imej yang dipaparkan secara berulang-ulang dalam media televisyen. Kesan imperialisme budaya melalui televisyen ini boleh dilihat dalam perubahan nilai dan identiti masyarakat tempatan, khususnya golongan muda. Nilai-nilai kekeluargaan, adab sopan santun, serta norma agama semakin hari semakin tercalar akibat pendedahan berterusan kepada gaya hidup Barat atau budaya luar yang dipromosikan melalui rancangan televisyen. Pada masa yang sama, budaya tempatan turut mengalami proses transformasi di mana unsur-unsur global dan lokal bercampur untuk mencipta identiti baru yang bersifat hibrid. Dalam erti kata lain, televisyen bukan sahaja menjadi medium maklumat, tetapi juga medan pertarungan budaya dan kuasa makna (Shamala et al., 2019). Pengaruh ini menciptakan tantangan bagi masyarakat dalam mempertahankan identiti dan nilai-nilai tradisional mereka di tengah arus globalisasi yang semakin kuat.

KESIMPULAN

Tulisan ini menekankan kepentingan kajian budaya dalam menganalisis dinamika kuasa, ideologi, dan identiti dalam wacana media. Media bukan sekadar medium yang utama dalam saluran penyampaian maklumat, tetapi bertindak sebagai ruang aktif di mana makna dibina, dikawal, dan ditentang oleh pelbagai kumpulan masyarakat. Melalui pendekatan teori budaya, yang terdapat dalam artikel ini mendedahkan bagaimana representasi dalam media tidak sahaja mencerminkan dan memperkuat hierarki kuasa yang sedia ada, malah menjadi medan perlawanan bagi komuniti yang termarginalkan untuk memperjuangkan kembali agensi mereka. Identiti, sebagai satu konstruk budaya yang cair dan tidak tetap, sentiasa berubah melalui interaksi antara pengaruh global dan lokal, terutamanya melalui platform media sosial dan televisyen.

Selain itu, artikel ini turut membincangkan peralihan paradigma budaya dari era moden ke posmoden, di mana konsep kebenaran dan makna semakin bersifat relatif dan dipengaruhi oleh

kemajuan teknologi serta proses globalisasi. Budaya tidak terhad kepada simbol dan tafsiran semata-mata, tetapi juga merangkumi tubuh sebagai medan ekspresi politik dan perundingan identiti. Justeru, kritikan terhadap naratif-naratif media menjadi sangat penting untuk mendekonstruksi ideologi dominan yang membentuk pemikiran masyarakat. Kesedaran terhadap kepelbagaian budaya dan pluraliti identiti perlu diperkukuh bagi melindungi masyarakat daripada pengaruh hegemoni budaya asing yang sering disebarkan melalui media. Ini menuntut satu pendekatan baru dalam melibatkan diri secara kritis dengan media, supaya masyarakat dapat memperkukuh daya tahan terhadap kuasa homogenisasi dan pada masa yang sama meraikan ekspresi budaya yang beragam dan berdimensi majemuk.

Kajian budaya Timur menunjukkan betapa kompleksnya interaksi antara nilai tradisional, spiritual, dan identiti dalam masyarakat yang masih menjaga warisan leluhur. Dalam konteks ini, tubuh bukan sekadar identiti biologis, tetapi merupakan manifestasi jiwa yang berdialektika dengan alam dan norma-norma keagamaan. Budaya Timur melihat tubuh sebagai medan ekspresi politik dan simbol identiti yang dipengaruhi oleh ideologi, sejarah, dan struktur kuasa. Di samping itu, warna, gestur, dan ritual juga memainkan peranan penting sebagai simbol bermakna yang sarat dengan nilai-nilai luhur, di mana maknanya berbeza mengikut konteks budaya dan sejarah masyarakat setempat.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penulisan Kajian Budaya dan Wacana Media: Kuasa, Ideologi, dan Identiti.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya dalam memperkukuh perbincangan tentang budaya, kuasa, ideologi, dan identiti dalam wacana media.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Azizie Nordin (Idea dan reka bentuk kajian; analisis falsafah; penulisan draf asal; penyuntingan kandungan). Saiful Akram Che Cob (Reka bentuk metodologi; pemilihan data dan sumber rujukan falsafah; pengesahan analisis; penulisan, sokongan akademik dan semakan akhir).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong hasil dapatan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Arnold, M. (1960). *Culture and anarchy*. Cambridge University Press. (Original work published 1869)
- Barker, C., & Jane, E. A. (2016). *Cultural studies: Theory and practice* (5th ed.). London: Sage Publications. <https://books.google.com/books?id=I9lqCwAAQBAJ>
- Dewi, N. R. S. (2022). Konsep simbol kebudayaan: sejarah manusia beragama dan berbudaya. *Abrahamic Religions*, 2(1), 1. <https://doi.org/10.22373/arj.v2i1.12070>
- Geertz, C. (1992). *After the fact: Two countries, four decades, one anthropologist**. Cambridge, MA: Harvard University Press. <https://www.hup.harvard.edu/catalog.php?isbn=9780674021661>
- Hall, S. (1977). Culture, the media and the 'ideological effect'. In J. Curran, M. Gurevitch, & J. Woollacott (Eds.), *Mass communication and society* (pp. 315–348). London: Edward Arnold.
- Hall, S. (1996). Cultural studies and its theoretical legacies. In D. Morley & K.-H. Chen (Eds.), *Stuart Hall: Critical dialogues in cultural studies* (pp. 261–274). London: Routledge.
- Hall, S., Morley, D., & Chen, K.-H. (2006). *Stuart Hall: Critical Dialogues in Cultural Studies*. <https://research.gold.ac.uk/id/eprint/14705/>

- Lavrenova, O. (2020). Philosophy and semiotics of colour and light in the artistic legacy of the Roerich family*. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/389548869>
- Lazariou, G. (2018). Postmodernism as an epistemological phenomenon. *Educational Philosophy and Theory*, 50(14), 1390–1391. <https://doi.org/10.1080/00131857.2018.1461369>
- Rusfandi, R. (2024). Pentingnya pemahaman budaya dan identitas sosial. <https://doi.org/10.59971/jamapedik.v1i1.4>
- Nopiah, J., & Samarrudin, N. I. (2024). Penggunaan Gaya Bahasa Retorik dalam Pelaporan Berita Politik di Berita Televisyen. *Pendeta*, 15(2), 37–
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.3.2024>
- Shamala, R., Devadas, M. B., & Barclay, F. P. (2019). *Glocalised-television content: Interaction with local cultures and impact on audience perceptions*. 1(1), 33–48.
<https://doi.org/10.30547/WORLDOFMEDIA.1.2019.2>
- Turner, B. S. (1996). **The body and society: Explorations in social theory** (2nd ed.). London: SAGE Publications. <https://books.google.com/books?id=WX0VDAAAQBAJ>
- Williams, R. (1965). **The long revolution**. London: Penguin. (Original work published 1961)
- Williams, R. (1983). **Keywords: A vocabulary of culture and society**. London: Fontana Press.